

KESUMBA anjur aktiviti semarakkan Sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia

UB 22.09.2021 P. 04

KOTA KINABALU: Sempena Bulan Kebangsaan dan Sambutan Hari Malaysia baru-baru ini, Kelab Surirumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (KESUMBA) mengambil inisiatif melaksanakan beberapa aktiviti sebagai usaha menyemarakkan sambutan dalam kalangan ahli, kakitangan UMS dan masyarakat.

Setiasaha Kehormat KESUMBA, Stella @ Nurul Martini Gontol berkata, aktiviti yang dilaksana merangkumi aspek pendidikan, patriotisme, kesihatan, kreativiti dan aktiviti melibatkan penyertaan dalam kalangan kanak-kanak.

Beberapa siri webinar berkaitan wanita dan pendidikan telah dilaksanakan, antaranya Webinar Urus

Emosi Menurut Perspektif Islam, Webinar Pengurusan Harta Pusaka dan Hibah sebagai Solusi dengan kerjasama Persatuan Fikrah Medika Sabah (PERFUMS) dan Webinar Peranan Wanita di Era Pandemik COVID dengan kerjasama Hospital UMS.

“Selaras perkembangan semasa, siri webinar yang disusun sememangnya memberi pendedahan kepada wanita khususnya berkenaan kepentingan untuk bersama-sama menggerakkan dan melonjakkan perubahan peranan wanita di era pandemik,” katanya.

Menurut Stella, Biro Penerangan dan Perhubungan KESUMBA juga membuka penyertaan kepada semua ahli untuk menyumbangkan nukilan pantun bertemakan



STELLA

kemerdekaan dan Hari Malaysia sebagai platform kepada ahli untuk menzahirkan rasa cinta dan kebanggaan kepada negara.



PENGISIAN: KESUMBA mengadakan Pertandingan Mewarna Kanak-kanak secara dalam talian sebagai satu usaha memupuk semangat patriotik seawal dari zaman kanak-kanak.

“Koleksi ini telah diterbitkan dalam bentuk e-buku untuk edaran dalaman universiti.

“Selain itu, beberapa

pertandingan dengan elemen kreativiti juga dibuka kepada ahli dan kakitangan UMS bagi mencungkil bakat kreativiti masing-masing

dengan mengaitkan semangat serta erti kemerdekaan dan sambutan Hari Malaysia.

“Antaranya Pertandingan Melukis Abstrak (Lukisan Motif) bertemakan Hari Kebangsaan, Pertandingan Nyanyian Lagu Patriotik dan juga Pertandingan Video Erti Kemerdekaan, selain Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak secara dalam talian sebagai satu usaha memupuk semangat patriotik seawal dari zaman kanak-kanak,” kata Stella.

Beliau menambah, sungguhpun terbatas dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Biro Sukan dan Rekreasi KESUMBA masih mampu menganjurkan aktiviti Program Kayuhan

Santai Sempena Hari Malaysia dengan pematuhan SOP yang sedang berkuat kuasa.

“Aktiviti ini merupakan platform kepada ahli dan orang awam untuk sama-sama mengibarkan Jalur Gemilang sambil mengadakan aktiviti riadah iaitu kayuhan basikal,” katanya.

Ujar Stella, selaras dengan perkembangan semasa dalam pasca pandemik COVID-19, aktiviti-aktiviti yang disusun KESUMBA adalah manifestasi terhadap usaha mengajak wanita khususnya dan masyarakat untuk menghayati erti kemerdekaan, mensyukuri kemakmuran, keharmonian negara dan mempunyai jati diri serta mengekalkan semangat patriotisme yang tinggi.